

Konvensyen pemimpin mahasiswa dirancang pada April depan

DE 20.12.2017 2
KOTA KINABALU: Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) merancang untuk menganjurkan Konvensyen De Borneo pada April tahun depan, kata presidennya yang baru dilantik, Jusman Nali.

“Konvensyen akan mengumpulkan semua pemimpin mahasiswa di Sabah dan Sarawak, dan kami berharap pihak penguurusan UMS akan menyokong program ini,” katanya pada penyampaian surat pelantikan bagi ahli MPP 2017/2018, di UMS, di sini, Isnin lepas.

Surat-surat itu disampaikan oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk D Kamarudin D Mudin.

D Kamarudin berkata MPP merupakan

satu entiti penting di UMS kerana ia menyalurkan suara mahasiswa universiti kepada penguurusan UMS.

“Majlis juga bertanggungjawab untuk merangka pelbagai strategi dan aktiviti bagi mahasiswa dengan tujuan membina jati diri mereka,” katanya.

Beliau juga menasihatkan ahli baharu MPP untuk mengguna pakai DSIJ (Dinamik, Lestari, Integriti, dan Keadilan) dalam menjalankan tugas mereka.

Kira-kira 32 mahasiswa menerima surat pelantikan mereka semasa upacara itu – 24 dari kampus utama di sini, tiga dari Fakulti Pertanian Lestari Sandakan, dan lima dari Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan.